

Rujukan kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 7 (12)
Tarikh : 31 Oktober 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 8 TAHUN 2018 MENGENAI PENGgantian FRASA “ SAYA YANG MENURUT PERINTAH” KEPADA FRASA “SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH” DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT RASMI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 8 Tahun 2018 mengenai Penggantian Frasa “Saya Yang Menurut Perintah” kepada frasa “Saya Yang Menjalankan Amanah” dalam urusan penyediaan surat rasmi di Universiti Malaysia Pahang untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Kerjasama tuan/puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



(NURULL SYAMIMI BINTI AHMAD ABZAN)
Eksekutif Kanan,
Unit Pengurusan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang

b.p. : Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 8 TAHUN 2018

PENGGANTIAN FRASA “SAYA YANG MENURUT PERINTAH” KEPADA FRASA
“SAYA YANG MENJALANKAN AMANAH” DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT
RASMI DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan melaksanakan Penggantian Frasa “Saya Yang Menurut Perintah” kepada frasa “**Saya Yang Menjalankan Amanah**” dalam urusan penyediaan surat rasmi di Universiti Malaysia Pahang.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 : Panduan Pengurusan Pejabat, Bahagian VI, Perenggan 6.4 (g) menyatakan bahawa setiap surat hendaklah diakhiri dengan frasa “Saya Yang Menurut Perintah” di sudut sebelah kiri bawah surat sebelum tanda tangan pegawai yang berkenaan.

2.2 Hasrat kerajaan agar frasa ini ditukar kepada frasa “**Saya Yang Menjalankan Amanah**” adalah supaya penjawat awam dapat menghayati bahawa setiap perintah, tugas dan tanggungjawab merupakan amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya.

2.3 Penggantian frasa ini hanya meminda Perenggan 6.4 (g), Lampiran A, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007.

3. PELAKSANAAN

3.1 Pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju mengguna pakai arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam melalui surat rasmi bernombor JPA.BPP(S) 193/6/84 Jld. 4 bertarikh 20 September 2018, di mana frasa “Saya Yang Menurut Perintah” diganti dengan frasa “**Saya Yang Menjalankan Amanah**” dalam setiap urusan penyediaan surat rasmi di Universiti Malaysia Pahang.

4. TARIKH KUAT KUASA

4.1 Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai **20 September 2018**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah,



(ABD. HAMID BIN MAJID)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang
Tarikh **31** Oktober 2018

Edaran kepada :

Bendahari/Ketua Pegawai Operasi
Ketua Pustakawan
Penasihat Undang – Undang
Semua Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan

Salinan kepada :

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)